

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(VIII)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PINANG
YB. LIM SIEW KHIM**

18. Projek Turnkey Taman Sri Pinang Jalan Sungai mengalami banyak masalah sejak dibangunkan. Keadaan semakin serius termasuk kebocoran air yang mengakibatkan kebanyakan unit mengalami banjir kilat dalam 'unit kediaman'. Penghuni terdedah kepada berbagai-bagai risiko yang mengancam keselamatan mereka.
- (a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk bantu penghuni yang juga kakitangan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)? Huraikan.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

18. Kerajaan Negeri amat komited untuk membantu menyelesaikan masalah penghuni Projek Turnkey Taman Sri Pinang di Jalan Sungai Pinang. Melalui satu sesi dialog bersama penduduk di taman tersebut pada 12 Jun 2018 yang lalu, didapati bahawa isu kebocoran air dalam unit kediaman adalah antara masalah utama penduduk di kawasan itu. Sehubungan dengan itu, bagi mengatasi masalah penghuni di Taman Sri Pinang, Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk mengambil tindakan seperti berikut:
- (i) Mengarahkan pihak MC mendapatkan senarai unit yang terlibat dengan kebocoran;
- (ii) Menubuhkan satu pasukan teknikal bagi membuat siasatan dan menyediakan pelan cadangan bagi mengatasi masalah

kebocoran. Pasukan ini juga perlu membuat anggaran kos yang terlibat bagi kerja-kerja yang akan dicadangkan kelak;

- (iii) Menjalankan pemeriksaan terhadap unit yang terbabit dalam tempoh tujuh (7) hari selepas penerimaan notis bersama pihak MC untuk menentukan punca kebocoran antara tingkat dan arahan untuk membaiki kebocoran tersebut akan dikeluarkan kepada pihak yang bertanggungjawab; dan
- (iv) Mencadangkan supaya sebahagian daripada kos untuk mengatasi masalah kebocoran boleh diberikan bantuan oleh Kerajaan Negeri melalui Tabung Penyenggaraan Maksimum 80% atau mana-mana agensi yang boleh membantu dalam menanggung kos penambahbaikan tersebut.